

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(B)75

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

75. Isu berhubung dengan lot-lot parkir yang terdapat di Pusat Perniagaan Merbau Jaya, hanya terdapat 12 lot parkir sahaja berbanding dengan jumlah lot kedai yang lebih banyak.
- (a) Apakah kriteria kerajaan dalam menetapkan lot parkir di sesuatu kawasan?
 - (b) Nyatakan bilangan lot parkir mengikut daerah di bawah Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

75. (a) Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah menetapkan kriteria khusus dalam penyediaan lot parkir atau Tempat Letak Kereta (TLK) di sesuatu kawasan kedai/ pejabat/ emporium dengan penyediaan satu (1) petak letak kereta bagi setiap keluasan 500 kaki persegi.

Manakala bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pula, kriteria yang ditetapkan adalah mengikut jenis pembangunan seperti berikut:

(i) Bagi kediaman, penyediaan TLK adalah seperti berikut:

Bil	Jenis Pembangunan	Bil. TLK Yang Perlu Disediakan
1	Rumah kos rendah, sederhana rendah dan rumah mampu milik	1 unit rumah = 1 TLK
2	Pangsapuri	1 unit pangsapuri = 2 TLK
3	Komersial	125 meter persegi = 1 TLK

(ii) Bagi setiap cadangan pemajuan baharu yang dikemukakan kepada MBPP, pemaju adalah disyaratkan untuk menyediakan TLK yang mencukupi di tapak pemajuan mengikut Garis Panduan Tempat Letak Kenderaan MBPP.

(b) Bilangan lot parkir atau TLK mengikut daerah di bawah MBSP dan MBPP adalah seperti jadual berikut:

Bil	PBT	Daerah	Bilangan TLK
1	MBSP	Daerah Seberang Perai Utara	11,064
2		Daerah Seberang Perai Tengah	17,914
3		Daerah Seberang Perai Selatan	3,220
4	MBPP	Daerah Timur Laut	11,392
5		Daerah Barat Daya	7,711
JUMLAH KESELURUHAN			51,301